



## SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN: 11/2021

Yang Amat Mulia/Yang Dimuliakan/Yang Mulia  
**Setiausaha-Setiausaha Tetap**  
**Ketua-Ketua Jabatan**  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ


### TATACARA PERMOHONAN PENUKARAN GELARAN JAWATAN

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita memaklumkan bahawa **setiap Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya** hendaklah menghadapkan terlebih dahulu semua permohonan penambahan atau pengurangan jawatan termasuk secara *trade-off*, dan juga penstrukturan semula organisasi Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya ke Urusetia Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG) di Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menghadapkan bersama Kertas Kerja sebagaimana lazimnya yang diperlukan oleh JTG bagi penelitian dan pertimbangan selanjutnya, sebelum permohonan-permohonan tersebut dipertimbangkan. Antara tujuan proses ini dibuat adalah untuk memastikan pengauditan sumber tenaga manusia (*manpower auditing*) dapat dilaksanakan bagi mendokong 'core business' dan penggunaan sumber tenaga kerja secara optima.

2 Penelitian permohonan adalah juga berkaitan dengan permohonan **penukaran gelaran jawatan** yang dihadapkan ke Urusetia JTG dengan permohonan yang lengkap sepertimana carta aliran tatacara menghadapkan permohonan yang dilampirkan.

N

# TATACARA PERMOHONAN PENUKARAN GELARAN JAWATAN



sk.

- Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat), Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
- Setiausaha Tetap (Kementerian berkaitan)
- Pengarah Belanjawan (MoFE);
- Jurukira Agong (MoFE);
- Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);
- Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan (HL)

N